

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

SOALAN NO. 459

Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hasrat Kementerian dalam pengurusan tanah/tapak sekolah yang tidak mencukupi khasnya sekolah-sekolah di dalam kawasan bandar kerana didapati tanah kosong milik kerajaan di belakang SMK St. George, Taiping telah diluluskan untuk perniagaan golongan tertentu.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Perkara melibatkan hal ehwal tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan Negeri seperti yang termaktub di dalam Jadual Ke-Sembilan, Senarai Perundangan Perlembagaan Persekutuan dan perolehan tanah bagi tujuan pendidikan dibuat mengikut keperluan semasa di setiap kawasan.

Status tanah yang terletak di LOT 3589, Bandar Taiping tersebut adalah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan telah dicadangkan untuk pembinaan dewan serbaguna sebagai salah satu fasiliti pendidikan di peringkat daerah. Walau bagaimanapun, kelulusan peruntukan pembinaan dewan serbaguna ini masih di peringkat permohonan dan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) telah menyewakan tapak tersebut bagi mengelakkan sebarang pencerobohan tapak.